



KATEGORI TOKOH

20 DISEMBER 2022 (SELASA)

PROF. DATO' DR. MOHD JAMIL MAAH

**PENGERUSI
KATEGORI ANUGERAH TOKOH AKADEMIK NEGARA**

ASAS ANUGERAH

1. Penerima Anugerah Tokoh Akademik Negara ialah seorang ahli akademik yang telah memberi sumbangan bernilai untuk Negara dan dunia secara berterusan sepanjang hayat.
2. Sumbangan calon membolehkan IPT mencapai aspirasi sebagai jentera pembangunan negara ke arah meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan manusia sejagat
3. Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja.

SYARAT PERMOHONAN

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah:

1. Berkhidmat sebagai pensyarah di IPT tempatan selama **sekurang-kurangnya 15 tahun secara kumulatif** dalam kerjaya akademik.
2. Menerajui bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara **holistik**.
3. **Telah menerima anugerah atau pengiktirafan ketokohan daripada badan profesional dan ilmiah yang berprestij** pada peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa dalam tempoh masa **10 tahun terakhir** (termasuk tahun yang dinilai).

SYARAT PERMOHONAN

4. Menghasilkan **dampak yang signifikan** melalui sumbangan akademik yang telah dijalankan.
5. Menunjukkan **kepimpinan dan kecemerlangan secara berterusan** dalam bidang akademik yang diterajui.
6. Setiap IPT hanya boleh mencalonkan seorang calon sahaja.

JENIS ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN YANG DIPERTIMBANGKAN UNTUK PERMOHONAN ANUGERAH

1. Menghasilkan Anugerah/pengiktirafan akademik yang diakui secara rasmi di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa.
2. Semua anugerah/pengiktirafan yang telah diterima sepanjang hayat boleh dipertimbangkan.

KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian merangkumi semua sumbangan kumulatif, anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang hayat (*lifelong achievement*).

NILAI ANUGERAH

Nilai Anugerah Tokoh Akademik Negara ialah **RM200,000 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu)** berserta sebuah piala dan sijil penghargaan daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.

SENARAI SEMAK

1. Salinan Kad Pengenalan / MyKad pemohon.
2. Warganegara Malaysia.
3. Satu (1) keping gambar terkini berpakaian rasmi bersaiz pasport (atau gambar dalam format JPEG).
4. Ringkasan pencapaian calon / pemohon (tidak melebihi 500 patah perkataan). Calon boleh menghasilkan video pendek tidak melebihi daripada tiga (3) minit untuk menyerlahkan dampak pencapaian calon dalam kategori yang dipohon.

SENARAI SEMAK

5. Tandatangan dan Cap Rasmi Naib Canselor atau jawatan yang setaraf dengannya* atau wakil yang dilantik untuk menjalankan tugasnya/Pemangku.
6. Surat penurunan kuasa daripada Naib Canselor atau jawatan yang setaraf dengannya* kepada wakil/Pemangku (Sekiranya berkaitan).
7. Tandatangan dan Cap Rasmi Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah Universiti atau setaraf dengannya sekiranya yang dicalonkan adalah Naib Canselor atau jawatan yang setaraf dengannya*

**Rektor/Presiden/Ketua Eksekutif*

SENARAI SEMAK

8. Tiga (3) salinan berjilid yang mengandungi butir jaya diri (CV) terperinci **mengikut format AAN Ke-14 yang dilampirkan**, dan bukti-bukti anugerah dan/atau pengiktirafan disahkan oleh IPT serta maklumat tambahan yang tidak dapat dikemukakan di dalam sistem permohonan.
9. i) Salinan sijil yang telah disahkan oleh IPT (pegawai Gred A dan ke atas) bagi setiap anugerah daripada badan profesional dan ilmiah yang berprestij pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa; dan
- ii) Bagi calon yang bermastautin di luar Negara, selain daripada (i), salinan sijil boleh disahkan oleh Ketua Jabatan tempat calon berkhidmat.

10. Telah berkhidmat sebagai ahli akademik di universiti tempatan sekurang-kurangnya **15 tahun secara kumulatif** dalam kerjaya akademik
11. Semua maklumat tambahan untuk menyokong permohonan seperti anugerah dan badan pemberi anugerah disertakan.

SESI SOAL JAWAB

*Sekian,
Terima Kasih*